

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: CEDI
Sent: Thursday, 16 March, 2017 3:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Jauriyah bt. Shamsuddin; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli; Dr. Abdul Rahman b. Jaaffar
Subject: JUALAN PELBAGAI JENIS MAKANAN DAN MINUMAN BERKONSEPKAN FOODTRUCK KINI BERADA DI UUM



16 MAC 2017 / 17 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**JUALAN PELBAGAI JENIS MAKANAN DAN MINUMAN
BERKONSEPKAN *FOODTRUCK* KINI BERADA DI UUM**



CEDI ONLINE: Warga Universiti Utara Malaysia (UUM) kini boleh menikmati pelbagai jenis makanan dan minuman yang dijual menerusi konsep trak makanan ataupun *foodtruck*. Antara jenis makanan dan minuman yang dijual adalah seperti Sempoi Oblong (*burger*), *Ice cream*, *Ice-Blanded & Aspereso Coffee*, Pizza, Kuih Pau dan banyak lagi. Jualan ini bermula pada 15 Mac 2017 sehingga 30 April 2017 bertempat di laluan pejalan kaki berhadapan Dewan Kuliah Gugusan 2 (DKG2) dan bangunan TISSA.

Jualan berkonsepkan trak makanan ini diadakan sempena Program Pembangunan Usahawan Gourmet On Wheel (GOW) iaitu program pembangunan usahawan pelajar dalam bidang trak makanan anjuran Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), UUM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pensyarah UUM dan pihak Industri.

Program ini merupakan program pembangunan keusahawanan berstruktur untuk pelajar UUM yang dijalankan secara berfasa bermula daripada fasa pendedahan keusahawanan, pengukuhan dan seterusnya mendaftar dan membangunkan perniagaan sendiri oleh para pelajar yang terlibat.

Terdahulu, pada fasa pertama para pelajar telah didedahkan dengan ilmu keusahawanan melalui perkongsian ilmu dan pengalaman oleh para usahawan dan agensi yang dijemput sebelum menghadiri *bootcamp* bagi menguji ketahanan fizikal setiap pelajar.

Seterusnya mereka dikehendaki menghadiri kelas untuk mempelajari elemen dan ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang usahawan serta mempelajari tentang pengoperasian dan pengurusan trak makanan. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada pensyarah UUM yang dilantik yang juga merupakan mentor akademik bagi program ini.

Latihan industri merupakan fasa dimana pelajar akan menjalankan aktiviti perniagaan trak makanan bersama-sama mentor industri yang telah dilantik. Antara mentor industri ialah seperti Kugpis Café, Shala Pizza, Seleraku Trading Sdn Bhd, Ayah Kitchen, Best Coffee Jitra dan banyak lagi.

Seramai 22 orang pelajar terdiri daripada pelajar praktikum dan yang masih dalam pengajian telah mengikuti program ini.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN & KOPERASI (CEDI)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
SINTOK KEDAH
TEL : 04- 9284871/4874
FAKS : 04-9284909





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.